

1103/1
BAHASA MELAYU
Kertas 1
Ogos
2018
2 ¼ jam



PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2018
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (KEDAH)

BAHASA MELAYU
KERTAS 1
(1103/1)

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

SULIT**1103/1****Bahagian A****[30 markah]****[Masa dicadangkan : 45 minit]**

Gambar di bawah menunjukkan koperasi sekolah.

Huraikan pendapat anda tentang faedah-faedah koperasi sekolah. Panjangnya huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

FAEDAH KOPERASI SEKOLAH

- Memperoleh harga murah
- Mendapat ilmu perniagaan
- Mudah mendapat barang dan perkhidmatan



SULIT**1103/1****Bahagian B****[100 markah]****[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]**

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Kini, alam pekerjaan memerlukan individu yang memiliki pelbagai ilmu dan kemahiran.
Sebagai seorang murid, huraikan persediaan anda untuk menempuh alam pekerjaan.
- 2 Amalan membaca belum dihayati sepenuhnya dalam kalangan remaja pada hari ini.
Jelaskan peranan pelbagai pihak untuk memupuk amalan membaca dalam kalangan remaja.
- 3 Petempatan yang lengkap dengan pelbagai kemudahan asas menjadi idaman masyarakat hari ini.
Bincangkan.
- 4 Perniagaan secara dalam talian merupakan satu trend baharu dalam urus niaga tanpa sempadan.
Huraikan kebaikan urus niaga secara dalam talian kepada masyarakat antarabangsa.
- 5 Slogan ‘Jiran Sepakat Membawa Berkat’ merujuk kepada hubungan yang erat antara jiran bagi mewujudkan negara yang sentiasa aman, harmoni dan sejahtera.
Berikan pendapat anda tentang cara-cara mengukuhkan semangat kejiranan di negara kita.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

SULIT

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Ogos

2018

2½ jam



**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2018
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (KEDAH)**

**BAHASA MELAYU
KERTAS 2
(1103/2)**

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya kertas jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

[*Lihat halaman sebelah*

Soalan 1: Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang faedah-faedah menceburि bidang keusahawanan dan cara-cara menarik minat masyarakat menjadi usahawan. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Perkembangan mutakhir memperlihatkan tidak banyak orang yang teruja untuk menceburি bidang keusahawanan secara serius. Mengikut anggaran kasar, hanya sepuluh peratus individu yang berani menerjunkan diri dalam lapangan ini dan menguasai sebahagian besar daripada kekayaan. Hal ini mudah dibuktikan kerana di sekeliling kita pun secara purata daripada sepuluh orang kemungkinan besar cuma seorang yang terlibat sebagai usahawan sepenuh masa sekalipun rezeki usahawan lebih lumayan jika dibandingkan dengan punca pendapatan yang lain seperti makan gaji dan seumpamanya.

Golongan yang terlibat secara langsung dalam bidang keusahawanan menjadikan bidang ini sebagai kerjaya. Mereka akan menguasai pasaran dan ekonomi dengan ketara kerana mereka telah mengambil inisiatif untuk memajukan diri, keluarga, masyarakat, dan negara. Tambahan pula, bidang keusahawanan banyak menyediakan peluang pekerjaan dan menjanjikan pendapatan yang sangat lumayan. Seolah-olahnya bidang yang sangat penting dalam kehidupan ini diceburि ketika usia muda kerana bidang ini memerlukan seseorang yang mempunyai sikap berdaya saing yang tinggi, tabah menempuh halangan, dan cekap mengintai peluang. Untuk mencapai matlamat sebagai usahawan, seseorang itu tidak mengenal erti kalah sehingga mereka berjaya mengubah nasib dan keluar daripada belenggu kemiskinan. Jika tidak berjaya di tempat sendiri, mereka sanggup berhijrah ke tempat lain untuk merealisasikan hasrat tersebut.

Para usahawan yang menceburkan diri dalam bidang ini secara gigih dapat menghasilkan produk yang dapat menjulang nama negara di persada dunia. Oleh sebab itu, kita tidak ragu-ragu mengatakan bahawa bidang keusahawanan memberikan sumbangan hebat dalam menjanakan pertumbuhan ekonomi negara. Para usahawan akan berasa kecewa jika mereka gagal membawa barang tempatan menembusi pasaran antarabangsa disebabkan bidang keusahawanan ini menyediakan pelbagai ruang dan peluang untuk meneroka sumber kekayaan. Bagi sesiapa yang terlibat sebagai usahawan sememangnya tiada masa untuk bersenang-senang dan *menanti rezeki* menjengah ke lutut, sebaliknya mereka akan bekerja keras apatah lagi banyak rezeki yang berlegar dalam bidang keusahawanan. Semua punca pendapatan itu tidak sepatutnya dibiarkan berlalu begitu sahaja.

[Lihat halaman sebelah

Orang ramai tidak perlu ragu-ragu untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan kerana bidang ini mampu mengubah status kehidupan mereka. Bagi individu yang sudah terlibat dalam bidang ini pula, mereka tidak harus berasa bimbang jika belum mengecap keuntungan yang menjadi impian selama ini. Yang penting, teruskan usaha untuk memajukan perusahaan yang sudah dimulakan kerana semakin gigih mereka berusaha, nikmatnya akan bertambah juga.

Dipetik dan diubah suai daripada
“Keusahawanan Punca Rezeki yang Berganda”,
Berita Harian, Mac 2016

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Berikan maksud rangkai kata *menanti rezeki*. [2 markah]

(ii) Dalam petikan terdapat beberapa sebab bidang keusahawanan perlu diceburi ketika usia muda.

Nyatakan sebab-sebab tersebut. [3 markah]

(iii) Golongan muda di negara kita kurang berminat menceburkan diri ke dalam bidang keusahawanan.

Pada pendapat anda, apakah peranan pihak sekolah dalam usaha memupuk minat murid menceburkan diri ke dalam bidang keusahawanan? [4 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 2 (b) – Petikan Prosa Moden

Baca cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Tatkala bom pertama meledak, diikuti oleh rentetan dentuman meriam serta serangan kapal terbang, seluruh ketenangan hidup warisan moyang-poyang kami terasa tersentap pergi dan terlucut begitu sahaja daripada genggaman. Sebaik-baik sahaja perang pecah pada tahun 1941 dan Jepun masuk, keadaan menjadi berkecamuk. Suasana kehidupan kampung dipengap ketakutan. Namun, kami bersyukur atas dua perkara. Pertama, kampung kami terpencil, maka jarang-jaranglah dihendap oleh Jepun. Garisan perang pula tidak melintang di atas tanah kami, maka itu, tiada seorang pun antara kami yang pernah dirata atau dirobek peluru. Kedua, kami bersyukur kerana kacau-bilau zaman Jepun menyedarkan kami betapa hinanya hidup terajah.

Seminggu sebelum Jepun tiba, Tuan Booth sudah berundur. Kami nampak keretanya menyusur pergi merentasi jalan kampung. Isterinya sugul sekali. Anak perempuannya yang berusia sekitar sepuluh tahun itu merengkuh di tingkap kereta sambil tersenyum hambar memandang anak-anak kampung yang berlari mengekor kereta.

Di hadapan pagar estet, Ahmad Mutawakkil berjalan lesu. Sudah tiga tahun banglo dan estet itu menjadi tempatnya menumpang nasib. Akhirnya, khabar tentang serangan Jepun mengakhiri kisah pergaulannya dengan keluarga Tuan Booth.

Malam itu, selepas solat isyak, Imam Ngah Deraman bergegas meninggalkan surau dan esoknya, kami mendapat tahu dia pergi mencari Ahmad Mutawakkil. Budak itu dibawa ke rumahnya. Sejak itu, dalam kesulitan hidup zaman Jepun, Ahmad Mutawakkil menjadi anak angkatnya. Cuma kekerapan budak itu menghilang, lama-kelamaan diterima Imam Ngah Deraman sebagai satu kebiasaan.

Dipetik daripada ‘*Cinta Ahmad Mutawakkil*’ antologi
Sejadah Rindu,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Penulis menyatakan rasa kesyukuran kerana kampungnya selamat daripada serangan Jepun.
Nyatakan sebab-sebabnya. [2 markah]

- (ii) Peperangan banyak mendatangkan kesan buruk.
Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu mengelakkan peperangan? [3 markah]

- (iii) Huraikan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan cerpen dan **satu** persoalan lain daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan.
[4 markah]

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 2(c) - Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah datang kepada Patih Gajah Mada, Kertala Sari pun duduk menyembah. Maka kata Patih Gajah Mada, "Hai anakku Kertala Sari, sebab aku menyuruh memanggil anakku ini, kerana pesan bapamu kepada aku, 'Jangan tiada dikasihi anakku ini,' kerana bapamu sudahlah mati dengan pekerjaan Seri Betara. Akan sekarang anakku hendak dijadikan penggawa agung."

Setelah Kertala Sari mendengar kata Patih Gajah Mada itu, maka Kertala Sari pun terlalu sukacita hatinya, seraya menyembah kaki Patih Gajah Mada.

Maka sembah Kertala Sari, "Endah apatah pekerjaan membunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu? Pada hati manira, jika negerinya pun dapat manira alahkan dengan seorang kula juga, syahadan segala anak bininya orang Melaka itu pun dapat manira ambil. Adapun jika belum manira bunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu belum mati, tiada mahu manira jadi penggawa."

Setelah Patih Gajah Mada mendengar demikian itu maka ia pun terlalu sukacita, seraya diperjamunya makan minum dan bersuka-sukaan dan diberinya persalin.

(Dipetik daripada 'Kepimpinan Melalui Teladan'
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

(i) Berdasarkan petikan di atas, apakah pesanan bapa Kertala Sari kepada Patih Gajah Mada untuk disampaikan kepada Kertala Sari? [2 markah]

(ii) Nyatakan perkara-perkara yang dijanjikan oleh Kertala Sari kepada Patih Gajah Mada.

[3 markah]

(iii) Kertala Sari ialah seorang yang bercita-cita tinggi.
Sebagai seorang murid, mengapakah anda perlu bercita-cita tinggi?

[3 markah]

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 2(d) - Seloka

Baca seloka di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Berbuat Istana Zaman Dahulu

Baginda menitahkan orang besar empat,
Membuat istana puri berkota;
Lalu dipanggil Pawang Raja.
Pawang mengerah orang bekerja,
Empat puluh empat tukang dan utas,
Siang malam tidak berhenti.

Tujuh bulan tujuh purnama,
Istana siap dengan alatnya;
Besar tersergam sembilan ruang,
Sepuluh dengan rembat guntung,
Sebelas dengan pancung serong,
Dua belas dengan anjung tinggi.

Tiga sudut menteri delapan,
Tiang panjang maharaja lela,
Tiang tengah syukur menanti;
Galang-galangnya ular berang,
Kasau kecil puteri menyembah,
Kasau lentik helang berbega.

Berbunga sawa mengelempai,
Bertakuk bersedelinggam,
Berjenang berbatu kawi,
Berselimpat ukir Jawa,
Lilit-melilit akar Cina;
Garam sebuku sisa jeragan,
Bunga kenanga dimakan ular,
Layang-layang di pintu Raja.

Istana siap tukang pun mati,
Tiada orang dapat meniru:
Dipersembahkan kepada baginda suami isteri.

Za'ba

Antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[Lihat halaman sebelah

- (i) Berdasarkan seloka tersebut, nyatakan perkara yang berlaku setelah istana itu siap dibina. [2 markah]
- (ii) Seni ukiran dan seni bina tradisional melambangkan ketinggian warisan bangsa. Pada pendapat anda, apakah cara-cara untuk mempertahankan seni ukiran dan seni bina warisan bangsa tersebut? [3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** nilai yang terdapat dalam puisi tersebut. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**[30 markah]*****Jawab semua soalan.***

- (a) Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) berputar
- (ii) memutarbelitkan
- (iii) berlipat
- (iv) melipatgandakan
- (v) bercampur
- (vi) mencampuradukkan

[6 markah]

- (b) Tukarkan ayat aktif di bawah kepada ayat pasif tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Masyarakat yang bersatu padu akan mewujudkan keadaan yang harmoni di negara kita.
- (ii) Para pengunjung dapat menikmati keindahan alam semula jadi semasa bercuti di pulau peranginan itu.
- (iii) Kita harus mengambil makanan yang berkhasiat setiap hari supaya kesihatan sentiasa terjamin.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Pembakaran semak samun dilaporkan sering terjadi akibat sikap masyarakat yang kurang prihatin sekaligus menyumbang kepada masalah jerebu di negara kita.
- (ii) Hutan mempunyai nilai komersil kerana membekal kayu balak dan tumbuhan herba yang menjadi sumber pendapatan kepada sesebuah negara.

[Lihat halaman sebelah

- (iii) Pelajar yang menuntut di institusi pengajian tinggi perlu melengkapkan diri mereka dengan pelbagai ilmu agar lebih tersedia untuk mencebur ke bidang pekerjaan.

[6 markah]

- (d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Para pengguna diseru oleh kerajaan agar berbelanja secara berhemah menjelang musim perayaan untuk mengelakkan diri dari masalah kewangan.
- (ii) Dalam syarahan alu-aluan yang disampaikan oleh pengacara majlis, beliau merakamkan penghargaan di atas kehadiran para tetamu dalam majlis tersebut.
- (iii) Firma yang dilantik oleh syarikat insurans belum masih membuat tafsiran tentang jumlah kerugian sebenar yang dialami oleh mangsa kebakaran itu.

[6 markah]

- (e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti dan kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan maksud ayat tersebut.*

- (i) Jika tidak berusaha, sesuatu kejayaan itu tidak akan datang dengan begitu sahaja.
- (ii) Kata sepakat tercapai melalui mesyuarat atau perbincangan.
- (iii) Melakukan kerja sambilan sementara menunggu kerja tetap atau kerja yang lebih baik.

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 4 : Novel**[15 markah]**

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Mat Darin
- (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vi) Tirani karya Ben Sabariah
- (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusof
- (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman

(a) Latar masyarakat ialah gambaran kehidupan masyarakat yang dipaparkan dalam sesebuah karya termasuk novel.

Huraikan **dua** latar masyarakat dalam **sebuah** novel yang anda kaji.

[7 markah]

(b) Terdapat pelbagai peristiwa yang memaparkan konflik antara watak dalam sesebuah novel.

Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, jelaskan **satu** peristiwa yang menggambarkan konflik antara watak utama dengan watak sampingan dan cara penyelesaiannya.

[8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT